

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]

SOALAN NO. 204

Dato' Haji Jalaluddin Bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes gangguan seksual yang dilaporkan di tempat kerja sepanjang tahun 2018, dan adakah peruntukan undang-undang sedia ada pada hari ini mencukupi untuk melindungi mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam, terdapat 47 kes gangguan seksual dalam sektor awam bagi tempoh 2015 sehingga 2017 dan bagi kesemua kes tersebut, tindakan tatatertib telah dikenakan. Manakala bagi sektor swasta pula, sebanyak 64 kes telah dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh yang sama.

Kementerian menyedari wujud keperluan untuk menyediakan kerangka perundangan yang spesifik atau *standalone act* berkenaan gangguan seksual walaupun telah ada beberapa perundangan sedia ada di Malaysia yang boleh diguna pakai bagi kes-kes melibatkan gangguan seksual. Perundangan sedia ada seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan boleh diguna pakai bagi kes-kes gangguan seksual yang berlaku di Malaysia.

Namun, Kementerian berpandangan satu akta yang khusus berkaitan gangguan seksual perlu digubal untuk memberi perlindungan kepada mangsa lelaki dan wanita selain bertujuan untuk memberi keadilan kepada mangsa yang tertindas.

Oleh yang demikian, pada tahun ini, Kementerian telah menubuhkan *Special Project Team* Rang Undang-Undang Gangguan Seksual (SPT RUU GS) untuk menggubal draf RUU sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara. Keahlian SPT RUU GS ini terdiri daripada Kementerian / Jabatan / Agensi, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan isu gangguan seksual. Sekiranya proses ini berjalan lancar, RUU GS dijangka untuk dibentangkan pada tahun ini.